

1hb. Julai, 1977.

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 14 TAHUN 1977

Perlaksanaan Tanggagaji Bersih Baharu Laporan Jawatankuasa Kabinet - Kedudukan Pembayaran Elaun Bantuan Khas, COLA dan Bonus

Adalah saya diarah untuk menarik perhatian kepada perlaksanaan Tanggagaji Bersih Baharu mulai dari 1.7.77 dengan kuatkuasa Pekeliling-pekeliling Perkhidmatan seperti berikut:-

- | | |
|---|--|
| (a) <u>Pekeliling
Perkhidmatan
Bil. 2 Tahun 1977</u> | ... Perubahan Gaji dan Syarat-syarat Perkhidmatan bagi Pegawai-pegawai Dalam Perkhidmatan Awam Semenanjung Malaysia; |
| (b) <u>Pekeliling
Perkhidmatan
Bil. 4 Tahun 1977</u> | ... Perubahan Gaji dan Syarat-syarat perkhidmatan bagi pegawai-pegawai Dalam Perkhidmatan Pelajaran Malaysia. |
| (c) Pekeliling
Perkhidmatan
Gaji Bersih 1977 | ... Perubahan Gaji dan Syarat-syarat Perkhidmatan bagi Pekerja-pekerja Badan-badan Berkanun Semenanjung Malaysia. |
| (d) Pekeliling
Perkhidmatan
Gaji Bersih 1977 | ... Perubahan Gaji dan Syarat-syarat Perkhidmatan bagi pekerja-pekerja Kuasa-kuasa Tempatan Semenanjung Malaysia. |
| (e) <u>Surat Pekeliling
Perkhidmatan Bil. 7
Tahun 1977</u> | ... Penyesuaian Gaji Pegawai Sementara. |
| (f) <u>Surat Pekeliling
Perkhidmatan Bil. 10
Tahun 1977</u> | ... Perlaksanaan Tanggagaji Bersih Baharu: Pegawai-pegawai Kontrek di Semenanjung Malaysia |

2. Dengan terlaksananya Pekeliling-pekeliling Perkhidmatan yang tersebut di atas Kerajaan telah memutuskan bahawa pembayaran Elaun Bantuan Khas, COLA dan Bonus akan diberhentikan mulai 1.7.77 bagi pegawai-pegawai dan kakitangan yang telah memilihterima Tanggagaji Bersih Baharu dan perkiraan tunggakan gaji bagi tempoh di antara 1.1.76 hingga 30.6.77, hendaklah berasaskan kepada perbezaan di antara gaji Bersih Baharu dengan Gaji Bersih lama yang terdapat dalam jamkayasa tersebut.

3. Atas beberapa sebab teknikal, opsyen dan perubahsuaian kepada Tanggagaji Bersih Baharu tidak dapat dibuat untuk meliputi seluruh pegawai dan pekerja dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan dan lain anggota dan pekerja dalam perkhidmatan Kerajaan atau yang gajinya ditanggung

oleh Kumpulan Wang Disatukan atau lain-lain punca kumpulanwang awam (public fund). Di antara pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja yang dimaksudkan termasuklah Hakim-hakim, pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Parlimen, pegawai-pegawai Berpakaian seragam dalam Jabatan Penjara, pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja dalam perkhidmatan Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan di Sabah dan Sarawak, anggota-anggota Angkatan Tentera dan Pegawai Polis yang diwartakan dan lain-lain.

4. Maka dengan kuasa surat ini bayaran Elaun Bantuan Khas dan COLA adalah diluluskan selepas daripada 1.7.77 mengikut kadar bayaran yang berkuatkuasa sebelum daripada 30.6.77 kepada mana-mana pegawai dan pekerja dalam perkhidmatan Kerajaan yang gajinya di bawah Anggaran Perbelanjaan Tahunan dan lain-lain pekerja dalam sektor awam yang gajinya ditanggung oleh kurnpulanwang awam dari peruntukan Kerajaan yang tidak dibayar Tanggagaji Bersih Baharu yang tersebut atau sesuatu skim gaji baru yang ditentukan oleh Kerajaan, dengan syarat tertakluk kepada peraturan-peraturan di dalam perenggan 6 Surat Pekeliling ini.

5. Adalah juga dimaklumkan bahawa bayaran Bonus selepas daripada 1.7.77 bagi pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja yang dimaksudkan dalam perenggan 3 dan 4 di atas itu, jika dibuat mengikut apa-apa keputusan Kerajaan, adalah juga dengan syarat tertakluk kepada peraturan-peraturan di perenggan 6 Surat Pekeliling ini. Walau bagaimanapun, perlu dinyatakan bahawa bayaran Bonus tidak merupakan syarat perkhidmatan yang tetap dan keputusan di ambil dari semasa ke semasa tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 29 Tahun 1974](#). Bayarannya yang dibuat menurut keputusan Kerajaan dari semasa ke semasa berasaskan kepada suku tahunan tidaklah berterusan.

6. Pembayaran Elaun Bantuan Khas, COLA dan Bonus (mana-mana terlibat) dengan kuatkuasa Surat Pekeliling ini hendaklah menurut peraturan yang dikeluarkan bagi pembayarannya dengan tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:-

- (i) bayaran Elaun Bantuan Khas, COLA dan Bonus selepas daripada 1.7.77 ini adalah merupakan advance kepada tunggakan gaji yang akan dibayar apabila Gaji Baharu dilaksanakan;
- (ii) Elaun Bantuan Khas, COLA dan Bonus yang dibayar selepas 1.7.77 akan dihapuskan apabila Gaji Bersih Baharu dilaksanakan dengan mencampurkannya ke dalam jumlah gaji yang diterima bagi maksud pemindahan ke Gaji Bersih Baharu dan ditolak daripada tunggakan gaji yang akan diterima hasil daripada pelaksanaan Gaji Bersih Baharu kelak;
- (iii) pembayaran Elaun Bantuan Khas dan Bonus sebulan gaji ini dan COLA akan diberhentikan selepas pemindahan kepada Tanggagaji Bersih Baharu.

7. Bagi pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja yang telah diberi tawaran opsyen tetapi telah memilih untuk terus menerima tanggagaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang dinikmatinya sekarang adalah layak menerima bayaran COLA, Elaun Bantuan Khas dan Bonus, mana-mana berkaitan jika dibayar, sehingga dan apabila mereka menerima lantikan ke jawatan lain atau dinaikkan pangkat ke jawatan tinggi yang menurut sistem Tanggagaji Bersih Baharu. Walau bagaimanapun, pembayaran elaun-elaun itu akan tertakluk kepada keputusan Kerajaan yang dibuat dari semasa ke semasa dan boleh dibatalkan.

Saya yang menurut perintah,

(BAHARUDDIN BIN ABDUL MULUK)
Bahagian Gaji,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan
Awam,
Malaysia.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

Semua Pihak Pengurusan Badan-badan Berkanun.

Semua Pihak Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan.